

Pesakit buah pinggang tabah harungi hidup

SHASAINDRAN
ketika menjalani
rawatan.



Walaupun aktif melakukan senaman dan bersukan di sekolahnya, dia tidak menyangka ditimpa kejadian malang selepas mengalami muntah darah ketika waktu makan.

Ketika itu T Shasaindran baru berusia 13 tahun dengan kehidupan seharian yang begitu normal.

Sejurus mengalami kejadian muntah darah itu, dia dikejarkan ke sebuah hospital swasta berdekatan dan seterusnya menjalani satu siri ujian klinikal.

Hasil diagnosis mendapati dia mengalami masalah buah pinggang kecut dan penyakit buah pinggang kronik (CKD) iaitu fungsi buah pinggang hilang secara beransur-ansur.

Buah pinggang adalah organ penting untuk penyaringan bahan buangan daripada darah dan mengawal paras cecair air. Apabila gagal berfungsi, ia menyebabkan pembentukan toksin dalam darah yang boleh mengakibatkan komplikasi lain.

Shasaindran yang kini berusia 28 tahun mengakui, pengesanan penyakit itu membuatkan harapan ibu bapanya musnah dan mengalami tekanan memikirkan nasib dirinya itu.

"Ketika itu saya masih muda untuk mengerti penyakit ini dan ibu bapa mengambil masa yang lama untuk menerima keadaan penyakit saya.

"Mereka memberitahu saya tidak dapat berjalan lagi selepas disahkan menghidap penyakit itu hingga membuatkan saya

sendiri begitu tertekan," katanya.

Rutinnya berubah apabila perlu menjalani rawatan dialisis sebanyak tiga kali seminggu sejak empat tahun lalu. Walaupun terlalu sibuk dengan rawatan, ia tetap memberi semangat kepadanya untuk kembali sembuh.

Pembiayaan rawatan adalah satu cabaran baginya memandangkan kesempitan hidup keluarganya yang hanya mendiami rumah flat kos rendah.

Dia menyara kehidupan dengan bekerja sebagai pembantu di tempat letak kereta dan bantuan sara hidup ibunya daripada PERKESO.

Ini turut menambah kesedihannya memikirkan bebanan keluarganya bertambah kerana perlu menggunakan wang untuk proses rawatan.

Baginya menghidap penyakit itu membuatkan kehidupan mereka sekeluarga menjadi semakin teruk.

"Namun saya berasa bersyukur kerana nasib kami sekeluarga terbela apabila Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia bersetuju menyalurkan bantuan menanggung perbelanjaan dialisis.

"Tanpa NKF, saya tidak tahu bagaimana nasib diri sama ada dapat diselamatkan atau tidak sehingga kini. Ini sangat membantu dan membuatkan saya bersyukur.

"Mereka menjaga saya dengan baik kerana mereka cukup sopan, penyayang dan merawat semua pesakit

dengan penuh hormat," katanya.

Menurutnya, pakar pemakanan juga tidak putus memberi nasihat kepadanya supaya mengambil makanan berkhasiat dan teratur. Mereka agak komprehensif dengan menganjurkan aktiviti tahunan untuk pesakit.

Walaupun tidak sembuh sepenuhnya, hidupnya kini semakin baik selepas menjalani dialisis secara teratur. Setakat ini, dia sudah menjalani dua pemindahan buah pinggang, namun gagal dan berdoa supaya pemindahan kali ketiga berjaya.

Semangat dan harapannya kini juga tinggi selepas memiliki diploma penguurusan perniagaan, sekali gus mahu memulakan perniagaan tempat letak kereta yang lebih maju dan menguntungkan.

"Pengalaman pahit ini akan saya jadikan sebagai pengajaran untuk menjadi manusia yang lebih berjaya pada masa depan. Saya menyeru supaya masyarakat lebih prihatin terhadap amalan pemakanan sihat dan melakukan senaman fizikal serta menjaga buah pinggang mereka.

"Penyakit ini tiada diskriminasi kerana boleh berlaku kepada sesiapa saja," katanya.

NKF adalah pertubuhan untuk membantu rakyat Malaysia yang mengaami kegagalan fungsi buah pinggang peringkat akhir kurang mampu untuk menjalani rawatan dialisis.

Lebih 1,600 pesakit menerima rawatan dialisis di 28 pusat di seluruh negara.